

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]

TARIKH : ISNIN, 13 OKTOBER 2014

RUJUKAN : L3 [PR-1323-L63624]

SOALAN :

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan berhubung penjualan tanah Kerajaan milik DBKL yang membabitkan tapak di mana Bangunan Jabatan Kejuruteraan dan Mekanikal DBKL, Bangunan Jabatan Kesihatan DBKL dan Bangunan Kesatuan Pekerja-Pekerja DBKL dan tanah-tanah lapang di sekitar tiga bangunan tersebut, berapakah keluasaan setiap tanah, siapakah pembeli dan tarikh pembelian, harga setiap kaki persegi, jenis pembangunan baru yang dicadangkan diatas tanah-tanah tersebut, bilakah dan di manakah jabatan-jabatan terlibat akan ditempatkan semula bangunan jabatan-jabatan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Cheras, penjualan tanah Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Jabatan Kesihatan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur adalah terletak di bawah bidang kuasa YB Menteri Wilayah Persekutuan selaras dengan peruntukan Seksyen 101 (i)(r) Akta Kerajaan Tempatan 1976. Penjualan ini tidak termasuk Bangunan Kesatuan Pekerja – Pekerja Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Penempatan semula lokasi bagi Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar di Pudu Ulu untuk menjadikan lebih selesa dan terurus dan Jabatan Kejuruteraan Mekanikal ke Taman Metropolitan, Kepong yang lebih sesuai di pinggir Bandar.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Penyedia Jawapan dan Maklumat Tambahan :

1. Encik Abdul Aziz bin Abdul Rahman

Timbalan Pengarah

Jabatan Perancangan Ekonomi & Penyelarasan Pembangunan
(JPEPP), DBKL

Tel : 03-2617 9104

Penyelaras Parlimen DBKL:

1. Encik Khairul Eswan bin Haji Eshak

Penolong Pengarah,

Jabatan Pentadbiran DBKL

Tel : 012-2621446